

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG KEJURUTERAAN PU KUANTAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2151-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-kejuruteraan-pu-kuantan

KUANTAN, 27 Jul 17 – Bertempat di perkarangan MTSS Cawang Kejuruteraan telah berlangsungnya Perbarisan Bulanan Ketua Cawang Kejuruteraan yang diketuai oleh Kapt Norman bin Mat Ali TUDM.

Dalam perbarisan tersebut, Ketua Cawang Kejuruteraan, Lt Kol Sang Yew Leung TUDM diiringi oleh Pegawai Laksana Cawang, Mej Mohd Syarizal bin Hussin TUDM telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada 11 orang anggota LLP.

Dalam ucapan Ketua Cawang Kejuruteraan, beliau mengingatkan agar setiap anggota menjaga tingkah laku dan disiplin sebagai seorang anggota tentera yang terlatih. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat.

